

Piagam Rakyat

Bismillaahir Rahmaanir Rahim

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang)

Misi Rakyat

1. Kita, rakyat Malaysia dari semua kaum dan pelbagai agama, tegas dalam pendirian untuk melihat perubahan dan berazam untuk mewujudkan suatu sistem urus tadbir, bertunjangkan nilai-nilai asasi, rohaniah dan etika yang menjadi intipati semua agama besar, yang:
 - jujur, dinamik dan benar-benar bertanggungjawab;
 - mempunyai sistem berparlimen sejati yang mewakili kepentingan rakyat;
 - memiliki institusi kehakiman yang benar-benar bebas dan bersih;
 - mempunyai pasukan polis yang bersikap profesional dan menunaikan tugasnya dengan saksama dan adil, menurut lunas undang-undang;
 - mempunyai media massa yang bebas dan tidak terhutang budi kepada golongan yang memegang tampuk kuasa;
 - memandang tinggi kebertanggungjawaban dan ketelusan sebagai unsur-unsurnya yang pokok;
 - menghormati perbezaan pendapat; dan
 - mendokong ekonomi yang dinamik, berdaya tahan dan saksama yang juga berdaya saing di peringkat antarabangsa.
2. Kita, rakyat Malaysia dari semua kaum dan dari pelbagai agama, berikrar untuk menjunjung pada setiap masa prinsip-prinsip utama Perlembagaan Malaysia, yakni:
 - keunggulan Perlembagaan mengatasi segala undang-undang lain;
 - SPB Yang Di-Pertuan Agong sebagai Raja Berperlembagaan;
 - Pemisahan kuasa antara kerajaan khususnya dengan badan kehakiman;
 - Kebebasan asasi yang dijamin untuk rakyat hendaklah jangan diganggu gugat, dinafikan atau dijadikan sekadar khayalan;

- Satu orang, satu undi, kedua-duanya bernilai sama;
- Islam agama Persekutuan, manakala semua agama lain hendaklah diamalkan dalam keadaan aman dan harmoni;
- Bahasa Melayu bahasa kebangsaan, sambil memelihara hak tanpa sekatan untuk menggunakan dan mempelajari bahasa-bahasa lain;
- Kedudukan istimewa orang Melayu dan rakyat pribumi Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak dan hak-hak sah semua kaum lain; dan
- Sistem pentadbiran persekutuan yang menunaikan tanggungjawabnya, dan melindungi serta menghormati kedudukan istimewa Sabah dan Sarawak.

3. Kita, rakyat Malaysia dari semua kaum dan dari pelbagai agaman, berikrar untuk sama-sama :

- Berusaha untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia yang adil dan makmur berlandaskan sistem kerajaan yang benar-benar demokrasi;
- Melindungi dan membela hak dan kemuliaan seluruh rakyat dan menjamin keadilan untuk semua;
- Bertindak meningkatkan kemajuan ekonomi menerusi daya pengeluaran dan kecekapan yang lebih tinggi dan menerusi pengurusan ekonomi yang kukuh agar negara berupaya menghadapi cabaran global;
- Menyalurkan sumber-sumber negara bukan saja untuk memenuhi keperluan asas rakyat bahkan, lebih penting lagi, untuk menentukan bahawa kualiti kehidupan dan keharmonian sosial ditingkatkan;
- Mengagih-agihkankekayaan dan peluang secara adil kepada semua rakyat; dan
- Membangunkan prasarana sosial yang berkualiti dan persekitaran fizikal yang bersih dan selesa; meningkatkan kualiti pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan sosial yang lain; membina masjid dan tempat ibadat yang lain; membina taman dan perpustakaan awam; membina pusat seni dan budaya; dan menyediakan peluang yang seluas-luasnya untuk teknologi maklumat dan kaedah komunikasi yang lain.

Rancangan Rakyat

1. Kita akan memulakan langkah untuk melahirkan sistem kerajaan yang demokrasi, telus, bertanggungjawab dan beretika yang akan menyediakan persekitaran untuk pemulihan ekonomi yang kukuh dan boleh bertahan, demi keharmonian dan kemakmuran sosial,

dan keadilan dan kesamarataan untuk semua. Ke arah matlamat ini, kita akan mengambil langkah untuk:

- Memupuk perpaduan nasional;
- Membina demokrasi yang tulen
- Meningkatkan ketelusan dan kebertanggungjawaban pentadbiran;
- Memperkasa ekonomi negara; dan
- Melaksanakan sepenuhnya kontrak sosial kita.

A. **Memupuk Perpaduan Nasional**

1. Kita akan memulakan langkah untuk membina dan memupuk perpaduan di kalangan pelbagai kelompok etnik dan agama, kerana matlamat kita adalah evolusi satu bangsa yang mempunyai satu cita-cita keadilan dan kesamarataan untuk semua.. Untuk mencapai matlamat ini, kita akan :
 - Tanpa berlengah lagi merombak apa saja dan segala saki-baki amalan “pecah perintah” dalam pentadbiran awam sejak zaman pentadbiran BN lagi;
 - Berusaha ke arah penubuhan Kementerian Hal Ehwal Agama Bukan Islam;
 - Mengadakan program tindakan afirmatif di peringkat Persekutuan dan semua Negeri untuk membasmi kemiskinan dan peminggiran dalam kalangan kelompok lemah dan mundur tanpa mengira kaum, latar belakang sosial dan agama;
 - Memberi perhatian khas kepada kaum Orang Asli di Semenanjung dan semua kelompok pribumi di Sabah dan Sarawak, dan meminda pelbagai undang-undang dan peraturan bersabit dengan mereka supaya keadilan terlaksana, termasuk menubuhkan Suruhanjaya untuk melindungi tanah Hak Adat Pribumi (NCR) dan menyelesaikan pertikaian berkaitan dengan tanah tersebut sambil menghormati adat dan resam mereka;
 - Memperkuuh integrasi nasional dengan memulihkan hak dan keistimewaan yang telah dijanjikan kepada rakyat Sabah dan Sarawak;
 - Menubuhkan Majlis Hubungan Etnik bebas, yang melaporkan terus kepada Parlimen untuk menolong membina Bangsa Malaysia yang bersatu padu;
 - Menubuhkan Suruhanjaya Undang-udang Syari’ah di peringkat Persekutuan;
 - Mengurangkan pengaruh politik parti dalam Majlis Agama Negeri, masjid dan institusi agama yang lain;

- Menguntukkan tanah untuk perkuburan dan tempat ibadah bagi semua agama tanpa sebarang diskriminasi;
- Memperbanyak dialog antara budaya dan antara agama untuk memperkuuh saling persefahaman dalam kalangan rakyat; dan
- Menggalakkan pembentukan suatu budaya Malaysia berdasarkan persamaan cita-cita unggul dan nilai moral. Hal ini menuntut sikap terbuka terhadap kepelbagaiannya budaya pelbagai kelompok etnik dan subetnik dalam negara, mengambil kira sejarah dan evolusi negara.

B. Menegakkan Demokrasi Tulen

1. Demokrasi tulen mestilah memberikan ruang yang bermakna untuk rakyat menyatakan pendapat dan menyertai pelbagai proses pentadbiran sehari-hari bukan sekadar mengundi lima tahun sekali. Semua kelompok berkepentingan mestilah dibenarkan membentangkan dan membahaskan pendapat mereka. Maklumat akan diperolehi secara bebas tertakluk kepada sekatan yang telah digariskan dengan tegas. Untuk mencapai matlamat ini, kita akan :

- Memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan semua undang-undang yang ketika ini membenarkan penahanan tanpa perbicaraan;
- Menubuhkan Suruhanjaya Bebas untuk menimbalangkan sama ada perlu diadakan sesuatu bentuk undang-undang tahanan pencegahan dan jika dirasakan perlu, untuk menggubal rang undang-undang untuk mewujudkan undang-undang tersebut dan sekat dan imbangan yang perlu;
- Membentuk Suruhanjaya Bebas untuk mengkaji semula semua akta dan undang-undang (seperti Akta Rahsia Rasmi, Akta Hasutan, Akta Polis, Akta Universiti dan Kolej Universiti, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, dll), dengan matlamat memansuhkan apa-apa saja yang mencabuli hak asasi manusia;
- Mengambil langkah-langkah perlu untuk menentukan dan melindungi kebebasan akhbar dan hak berhimpun secara aman, menyatakan dan berpersatu dengan meminda akta dan undang-undang berkenaan dan RTM akan diperbadankan dan tertakluk kepada Suruhanjaya Penyiaran bebas;
- Menentukan bahawa Suruhanjaya Hak Manusia adalah bebas dan mempunyai perwakilan daripada semua kelompok utama;
- Merumuskan Akta Kebebasan Maklumat untuk menjamin ketelusan dan aliran bebas maklumat daripada kerajaan kepada rakyat;
- Meluluskan undang-undang berkenaan untuk memperuntukkan pilihan raya majlis tempatan;

- Demi mewujudkan lebih rasa kepastian dalam proses pilihan raya, dan dengan itu memberikan semua parti yang mengambil bahagian dalam proses tersebut peluang yang paling adil untuk membuat persediaan pilihan raya dan untuk mengetepikan sebarang dan segala unsur kejutan, melakukan segala pindaan yang perlu kepada undang-undang supaya tarikh pembubaran Parlimen dan pilihan raya umum yang menyusul selepas itu hendaklah masing-masing berlaku dan berlangsung setiap 5 tahun pada suatu tarikh atau dalam tempoh tetap yang ditentukan oleh undang-undang;
- Mengkaji semula dan, jika perlu, menyemak semula segala persempadanan semula kawasan pilihan raya sebelum ini, untuk menentukan iaitu perbezaan bilangan pengundi berdaftar dalam mana-mana dua kawasan pilihan raya tidak boleh melebihi 20%;
- Menggubal undang-undang untuk melindungi “pendedah maklumat” salah laku dan rasuah di pihak kerajaan;
- Menandatangani dan meratifikasi Perjanjian Antarabangsa Hak Sivil dan Politik dan Perjanjian Antarabangsa Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya;
- Meningkatkan kualiti dan keberkesanan pendidikan hak manusia di semua peringkat pendidikan dan intitusi pengajian tinggi serta juga pusat latihan kakitangan kerajaan; dan
- Menambahbaik pentadbiran dan keadaan penjara selari dengan piawai antarabangsa.

C. Meningkatkan Ketelusan & Keber tanggungjawapan Pentadbiran

1. Keperluan terhadap urus tadbir yang lebih telus begitu mendesak. Ketelusan dan keber tanggungjawaban mestilah disepadukan ke dalam semua aspek pentadbiran, tanpa menjejaskan kecekapan. Kita akan berusaha ke arah pemencaran kuasa ke tahap tempatan supaya kerajaan negeri akan lebih terlibat dalam pembangunan negeri mereka masing-masing. Untuk mencapai matlamat ini, kita akan :
 - Menubuhkan Suruhanjaya Diraja untuk mengkaji semula pentadbiran kehakinan dan perundangan dalam negara, dan untuk memperakulkan cadangan ke arah meningkatkan kebebasan badan kehakiman, untuk mengawal selia perlantikan dan pemecatan hakim dan untuk menghentikan salah guna undang-undang penghinaan mahkamah;
 - Memperkasa kewibawaan Parlimen melalui suatu sistem jawatankuasa tetap semua parti yang diberi kuasa untuk menamakan Peguam Negara, Ketua Hakim Negara dan hakim-hakim lain, Ketua Polis Negara, Gabenor Bank

Negara, yang akan dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong mengikut Perlembagaan;

- Membataskan tempoh perkhidmatan seorang Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri kepada dua penggal saja;
- Menjamin kebebasan akhbar supaya pihak akhbar boleh memantau dan mendedahkan segala perbuatan rasuah dan salah guna kuasa;
- Melaksanakan secara berkesan semua undang-undang sedia ada yang pada ketika ini menghendaki diadakan siasatan awam sebelum sesuatu projek dilaksanakan atau sesuatu peraturan dipinda, seperti Akta Perlindungan Alam Sekitar, penilaian semula harta, dan sebagainya;
- Mengkaji semula kaedah melantik ahli-ahli Dewan Negara (Senat) dengan matlamat memperkenalkan suatu kaedah yang mencerminkan kepentingan seluruh rakyat;
- Memperkenalkan semula pilihan raya kerajaan tempatan supaya para pemimpin tempatan dijadikan lebih bertanggungjawab;
- Memperkenalkan sistem ombudsman untuk melahirkan badan pengaduan awam yang lebih bebas dan berkesan;
- Melindungi di sisi undang-undang mana-mana individu atau kelompok yang mendedahkan salah pengurusan, salah guna kuasa dan rasuah terutamanya di peringkat tertinggi;
- Menjadikan Badan Pencegah Rasuah (BPR) sebuah badan bebas yang dilindungi perlembagaan dan bertanggungjawab secara langsung kepada Parlimen, dan diketuai oleh seorang tokoh yang ternama;
- Mewajibkan wakil-wakil rakyat membuat perisytiharan aset atau harta mereka setiap tahun;
- Meningkatkan kebebasan dan kewibawaan Suruhanjaya Pilihan Raya dengan memberi kuasa sepenuhnya kepada Parlimen untuk melantik Pengerusi dan ahli-ahli lain Suruhanjaya menerusi proses perbicaraan terbuka;
- Membersihkan daftar pengundi supaya daftar itu bersih daripada “pengundi hantu”, “pertindihan” pengundi dan warga asing;
- Menurunkan umur pengundian bagi warga Malaysia kepada 18 tahun dan memperkenalkan pendaftaran automatik untuk semua warga negara;
- Memansuhkan pengundian melalui pos;

- Memulihkan imej dan status Polis Diraja Malaysia dengan mengadakan jawatankuasa tetap sebagai Suruhanjaya Polis untuk menerima dan menimbangkan petisyen daripada rakyat mengenai tingkah laku polis;
- Memperkenalkan perundangan supaya Peguam Negara tidak lagi menjadi ahli mengundi dalam Lembaga Pengampunan, tetapi hanya akan menjadi penasihat dan pakar rujuk kepada lembaga;
- Mengasingkan badan kehakiman rendah daripada perkhidmatan perundangan supaya kedua-duanya tidak dikawal oleh Peguam Negara;
- Memerkasa sistem semak dan imbangan dengan meminda semua undang-undang, seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dan lain-lain lagi, yang pada ketika ini menafikan kuasa untuk kajian semula kehakiman;
- Mengkaji semula kedudukan, pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang Syari'ah untuk menjamin keadilan dilaksanakan dan akidah orang Islam terpelihara;
- Memulihkan integriti perkhidmatan awam, dengan memanfaatkan kepakaran dan pengalamannya;
- Mengiktiraf anggota-anggota perkhidmatan awam sebagai rakan sama rata dalam usaha membangunkan negara;
- Memulakan pembaharuan sektor awam untuk meningkatkan kecekapan dan menambahbaik semangat, etika kerja, dan keadaan kerja di dalam sektor awam;
- Berikhtiar memansuhkan jurang dalam syarat perkhidmatan antara sektor awam dengan sektor swasta, terutamanya dalam kalangan mereka yang mempunyai kelayakan yang sama dan menjalankan fungsi yang serupa;
- Merapatkan jurang gaji antara peringkat tertinggi, pertengahan dan terendah untuk memberikan contoh teladan kepada sektor swasta; dan
- Memberikan anggota perkhidmatan awam azam baru untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara, dan bukan pemimpin politik.

D. Memperkasa Ekonomi Negara

(1) Mengurangkan beban rakyat

(a) Mengurangkan beban cukai

- Menaikkan tahap pengecualian cukai pendapatan persendirian, di samping menaikkan elauan anak ke tahap yang munasabah;

- Menaikkan tahap potongan cukai pendapatan persendirian bagi isteri yang menjadi suri rumah sepenuh masa sebagai mengiktiraf sumbangan penting mereka;
- Menaikkan tahap pengecualian cukai perkhidmatan kepada hasil pusing ganti melebihi satu juta ringgit setahun;
- Mengkaji semula sistem percukaian dengan matlamat untuk memperkuuh hasil kerajaan sambil mengurangkan beban cukai ke atas rakyat, terutama kelompok berpendapatan rendah dan sederhana.

(b) Membasmi kemiskinan mutlak

- Membasmi kemiskinan mutlak menjelang pertengahan penggal sidang parlimen akan datang;
- Mengurangkan tahap kemiskinan dalam penggal sidang parlimen akan datang kepada separuh, tahap tahun 1999;
- Menambahbaik program basmi kemiskinan supaya mereka bebas daripada campur tangan politik dan benar-benar membantu golongan miskin;
- Memperkemas pelbagai program basmi kemiskinan yang sedia ada;
- Merapatkan jurang pendapatan dan kekayaan tanpa melanggar hak-hak sah.

(c) Membantu peniaga kecil dan penjaja

- Menamatkan amalan menggunakan pelesenan peniaga kecil dan penjaja sebagai sumber hasil dan sebagai perkakas politik parti, sebaliknya menggunakan semata-mata untuk tujuan pengurusan dan kawal selia demi menjaga kesejahteraan dan kesihatan rakyat, peniaga kecil dan penjaja;
- Menyediakan prasarana dan kemudahan yang selesa, bersih dan menarik buat penjaja.

(d) Menambahbaik perkhidmatan pengangkutan awam

- Menambahbaik kualiti pengangkutan awam dan menurunkan tambang kepada tahap yang seimbang dengan taraf hidup rakyat;
- Mengeluarkan permit teksi kepada usahawan individu dan syarikat koperasi mereka, bukannya kepada syarikat besar;

- Meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan teksi oleh usahawan swasta menerusi penubuhan syarikat koperasi, persatuan, majlis dan seumpamanya;
- Menurunkan tambang penerbangan dalam negeri antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak untuk menggalakkan perpaduan nasional dan pelancongan dalam negeri;
- Memodenkan dan meningkatkan perkhidmatan keretapi di Semenanjung Malaysia;
- Membangunkan sistem jalan raya di Sabah dan Sarawak;
- Mengadakan kemudahan dan peraturan yang sesuai untuk mengurangkan kemalangan jalan raya dan meningkatkan keselamatan jalan raya awam;
- Mengkaji kemungkinan bentuk baru pengangkutan awam di bandar-bandar besar untuk menambahbaik kualiti kehidupan bandar;
- Menyediakan perkhidmatan bas sekolah yang tertib dan berpatutan harga untuk mengurangkan beban ke atas ibu bapa.

(2) Pertumbuhan ekonomi yang adil

(a) Meningkatkan permintaan dalam negeri dan pelaburan dalam negeri yang berhasil bukannya membazir

- Mengkaji semula kerangka kawal selia yang sedia ada dan menangani kelemahannya;
- Meningkatkan urus tadbir, ketelusan dan tanggungjawab korporat sektor swasta, dan menamatkan penyelewengan sektor perbankan dan kewangan;
- Memberi keutamaan kepada projek yang menjana manfaat sebanyak-banyaknya kepada rakyat, projek seperti perumahan kos sederhana dan kos rendah, pemodenan sistem keretapi, projek jalan raya di Sabah dan Sarawak, dan lain-lain;
- Menghentikan projek-projek mega yang membazir, merosakkan alam sekitar dan manfaatnya amat sedikit atau tidak bermanfaat langsung kepada rakyat;
- Meningkatkan peluang ekonomi untuk semua dengan memberi penekanan tertentu dan sokongan sesuai kepada kelompok yang lemah, dan sokongan berkesan kepada perniagaan tempatan, terutamanya perusahaan kecil atau sederhana.

- Menentukan pembangunan ekonomi yang adil dan boleh bertahan, dan tidak mengancam integriti sosial atau memusnahkan alam sekitar dan sumber alam semula jadi;
- Membangunkan program pembangunan istimewa bagi golongan miskin dan berpendapatan rendah dalam kampong tradisional, kampong baru dan estet supaya mereka dibawa ke dalam arus perdana pembangunan dan disediakan dengan sumber pendapatan lebih baik, pekerjaan dan hak milik kepada tanah;
- Menentukan bahawa hak dan keistimewaan tidak diselewengkan untuk memperkaya hanya segelintir yang memegang tumpuk kuasa dan kroni mereka.

(b) Memperkuat daya saing, penyebaran industri yang lebih merata dari segi geografi, membangunkan industri berasaskan sumber dan berdasarkan teknologi tinggi, maklumat dan pengetahuan

- Memodenkan dan mengembangkan industri berproduktiviti tinggi untuk meningkatkan daya saing ekonomi negara dan untuk menggalakkan eksport nilai tinggi;
- Menangani kelemahan kita dari segi teknologi, khususnya jurang teknologi antara industri mundur dengan industri maju;
- Menentukan projek-projek besar, termasuk projek industri berat, diuruskan dengan cara yang bersepadau dan sejajar dengan pelan induk pembangunan industri yang praktikal;
- Menyediakan insentif dan sokongan yang lebih kepada industri kecil dan sederhana;
- Menggalakkan, menerusi skim insentif yang bersesuaian, rantaian yang lebih jauh antara industri tempatan, terutamanya industri kecil dan sederhana, dengan syarikat antarabangsa yang besar supaya dapat dipercepat pemindahan teknologi kepada industri tempatan dan meningkatkan penggunaan input tempatan;
- Menyokong usahawan tempatan dan menggalakkan naik taraf kemahiran tempatan dan keupayaan sumber manusia;
- Memanfaatkan modal, kepakaran, pasaran dan teknologi asing supaya dapat diperteguh atas ekonomi tempatan;
- Meningkatkan peranan sains dan teknologi dengan cara memperteguh pendidikan sains asas dan membangunkan kemudahan latihan teknikal yang bersesuaian;

- Meningkatkan dan menambahbaik kecekapan peruntukan kewangan dan insentif lain untuk penyelidikan dan pembangunan sains dan teknologi.

(c) Memperkasa pertanian dan perikanan bersaiz kecil dan sederhana

- Meningkatkan pengeluaran makanan demi keselamatan dan kestabilan negara;
- Lebih banyak penyelidikan dalam bidang pertanian, khususnya dalam teknologi tinggi, tanaman makanan dan penggunaan output pertanian;
- Melindungi kepelbagaian-bio dan menggalakkan penyelidikan dalam pemuliharaan kepelbagaian-bio dan penggunaan produk alam semula jadi;
- Mengkaji semula FELDA, FELCRA, RISDA, MAJUIKAN dan agensi-agensi kemajuan pertanian dan perikanan demi menambahbaik pengurusan dan penggunaan teknologi untuk manfaat peneroka, peladang dan nelayan;
- Menyusun semula syarikat-syarikat monopoli kerajaan supaya menjadi lebih cekap, berkesan dan bertunjangkan pasaran;
- Melaksanakan secara tegas undang-undang yang mengawal selia zon eksklusi perikanan untuk melindungi nelayan pinggir laut daripada cerobohan vesel dan kapal pukat tunda besar yang membuat kerosakan besar terhadap sumber perikanan pinggir laut;
- Pembangunan tanah terbiar.

(d) Teknologi maklumat dan ekonomi untuk semua

- Menyeferakan pemasangan prasarana telekomunikasi dan elektrik di seluruh negara dan berusaha mengurangkan kos penggunaan;
- Memperluas pendidikan teknologi maklumat (IT) dalam semua sekolah, bermula dengan sekolah rendah;
- Membangunkan program penghayatan IT untuk khalayak ramai;
- Melancarkan program “Satu Kampung, Satu Pusat IT” dengan memberi insentif bersesuaian untuk menggalakkan penyebaran kemudahan teknologi maklumat ke pekan kecil dan kawasan luar bandar;
- Mewajibkan perancangan prasarana teknologi maklumat dalam semua skim perumahan baru, termasuk perumahan kos rendah dan

- sederhana dan mendesak pemodenan prasarana dalam skim perumahan yang sedia ada,
- Berunding dengan pengeluar perisian untuk mendapatkan perisian lebih murah untuk pasaran tempatan.

(e) Memberi keutamaan kepada perusahaan kecil dan sederhana

- Mewujudkan dana pelaburan, ditaja-jamin oleh kerajaan, untuk membangunkan perusahaan kecil dan sederhana dan diberi peruntukan mengikut prestasi bukan pilih kasih politik

(f) Menyusun semula kerangka dasar penswastaan

- Butir-butir kontrak penswastaan hendaklah diumumkan demi ketelusan. Dengan ini kepentingan pengguna dan pekerja, dan hak rakyat akan terpelihara. Semua penswastaan akan datang hendaklah dijalankan atas dasar saingan bidaan;
- Memastikan syarikat monopoli awam tidak menjadi syarikat monopoli swasta;
- Kemudahan dan perkhidmatan awam asasi – seperti air, pendidikan, kesihatan dan perumahan awam – hanya akan diperbadankan untuk menambahbaik pengurusan tetapi tidak akan diswastakan
- Syarikat perusahaan awam yang telah pun diswastakan akan dipantau dengan rapi untuk memelihara kepentingan orang ramai. Perusahaan yang telah diswastakan tidak akan dimiliknegarakar semula tetapi mana-mana kontrak yang tidak sah boleh ditamatkan demi kepentingan rakyat dan negara;
- Menubuhkan suruhanjaya bebas untuk mengaudit semua projek besar yang diswastakan demi ketelusan dan kebertanggungjawaban.

(g) Memperkasa sistem kewangan

- Menggalakkan dan memupuk pelaburan dan kemudahan kredit kepada sektor produktif bukan kepada spekulasi;
- Memulihkan semula imej, prestij dan integriti Bank Negara;
- Memastikan perbelanjaan Persekutuan disalurkan khususnya untuk meningkatkan taraf hidup golongan miskin, dan kepada kawasan pendalaman dan luar bandar yang masih lagi terpinggir.

E. Melaksanakan sepenuhnya Kontrak Sosial kita

(1) Pendidikan

- Pendidikan merupakan tanggungjawab asasi negara, meskipun pendidikan swasta dibenarkan
- Menubuhkan Majlis Perundingan Pendidikan Nasional untuk memastikan bahawa amalan dan perlaksanaan dasar dan falsafah pendidikan negara berkesan dan juga adil;
- Menghentikan penswastaan institusi penganjuran tinggi awam dan mengkaji semula pelaksanaan dasar pemerbadanan supaya dasar itu mematuhi prinsip-prinsip pendidikan bukan kerana keuntungan kewangan;
- Memperuntukkan belanjawan pendidikan dengan cara adil dan sama rata, tanpa mengabaikan mana-mana kelompok;
- Menyediakan lebih banyak biasiswa dan bantuan kewangan yang lain atas dasar keperluan;
- Menambah kemudahan taman asuhan dan tadika, istimewanya untuk kelompok berpendapatan rendah;
- Menjamin peluang mendapat pendidikan percuma dan wajib di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah;
- Menambahbaik taraf dan kemudahan bagi sekolah di kawasan pedalaman, istimewanya di Sabah dan Sarawak;
- Mengkaji semula skim perkhidmatan guru dan memperkenalkan insentif tambahan untuk mengajar di pedalaman;
- Menaikkan taraf latihan perguruan bagi semua peringkat sekolah dan menambahkan bilangan guru terlatih mengikut permintaan;
- Menambahkan peluang latihan lanjutan bagi guru dan pensyarah supaya ilmu pengetahuan dan kemahiran masing-masing sentiasa terkini;
- Memperkasa kedudukan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* di antara rakyat;
- Menggalakkan dan mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa sastera dan budaya yang dinamik, yang diterima dan digunakan oleh semua komuniti di Malaysia;

- Mengiktiraf hak untuk mempelajari bahasa ibunda seperti bahasa Cina, Tamil, Iban, Kadazandusun dan lain-lain di sekolah, dan menambahbaik pelaksanaan dasar pendidikan bahasa ibunda, supaya dasar itu lebih cekap dan peka terhadap permintaan ibu bapa. Guru bahasa bahasa ibunda terlatih mestilah disediakan oleh sekolah kerajaan apabila sekurang-kurangnya sepuluh pelajar memerlukan guru tersebut, dan latihan guru bahasa ibunda mestilah ditingkatkan di kolej latihan perguruan dan institusi pengajian tinggi awam;
- Mengekalkan pelbagai aliran bahasa di sekolah rendah sambil menggalakkan integrasi yang lebih merata di antara pelajar dari berbagai-bagai kelompok etnik, misalnya menerusi aktiviti ko-korikulum;
- Menambahkan bilangan sekolah bahasa ibunda dan menaiktaraf kemudahannya mengikut keperluan dan permintaan;
- Menambahbaik pengajaran dan pembelajaran bahasa-bahasa antarabangsa, istimewanya bahasa Inggeris dan bahasa Arab;
- Menambahbaik kualiti dan kemudahan di sekolah agama rendah dan menengah;
- Memperkasa kedudukan institusi pengajian tinggi awam yang sedia ada dan menambahbaik prestasinya;
- Meningkatkan bilangan institusi pengajian tinggi awam secara bersistem tanpa melemahkan institusi yang sedia ada, supaya lebih ramai pelajar yang layak dapat mengikuti pengajian tinggi dengan yuran minimum ataupun percuma;
- Menjamin autonomi dan taraf universiti pengajian tinggi yang lain dengan menukuhkan Suruhanjaya Universiti sebagai badan seliaan bebas, dan meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti untuk memastikan hak asasi komuniti akademik, termasuk pelajar;
- Mengadakan saluran tv pendidikan untuk melengkapkan pendidikan formal dan untuk menggalakkan pendidikan berterusan sepanjang hayat, dengan pertolongan sektor korporat swasta serta institusi pendidikan awam dan swasta;
- Memperluas ruang lingkup Lembaga Akreditasi Negara untuk memantau, menyiasat dan mencadangkan pengiktirafan sijil, diploma dan ijazah di luar sistem pendidikan kebangsaan. Ijazah daripada institusi pengajian tinggi di Arab Saudi, Indonesia, Filipina, Taiwan, India, Pakistan, China dan negara-negara lain, dan sijil pendidikan tempatan seperti United Independent Schools Examination (UISE) akan dipertimbangkan berdasarkan taraf akademik.

(2) Kesihatan

- Menubuhkan Majlis Kesihatan Negara, dengan matlamat melindungi kepentingan rakyat dan meningkatkan kualiti kesihatan;
- Memansuhkan semua program untuk menswastakan sistem kesihatan awam;
- Mengkaji semula kos dan kualiti perkhidmatan semua perkhidmatan sokongan kesihatan yang telah diswastakan;
- Menambahkan peruntukan perbelanjaan untuk sektor kesihatan;
- Menyusun semula skim perkhidmatan bagi kakitangan perubatan kerajaan supaya lebih setimpal dengan beban kerja dan tanggungjawab yang mereka pikul;
- Mengelakkan perkhidmatan penjagaan kesihatan kos rendah untuk semua rakyat;
- Menuhanjaya untuk mengkaji kekurangan dalam sistem kesihatan yang sedia ada dan untuk membuat perakuan bagi menambahbaik sistem kesihatan awam;
- Memantau perkhidmatan perubatan swasta dan memeriksa jika berlaku penyelewengan;
- Menubuhkan pusat negara bagi kawalan penyakit;
- Meningkatkan peluang latihan pendidikan dan ilmu khas secara berterusan bagi doktor, jururawat dan kakitangan makmal;
- Mengkaji semula kemungkinan menggabungkan kaedah penjagaan kesihatan pelengkap seperti homeopati dan perubatan tradisional di dalam sistem kesihatan Malaysia;
- Merancakkan aktiviti penggalakan kesihatan, pendidikan kesihatan, langkah pencegahan dan pemantauan penyakit;
- Menggalakkan penyertaan wanita yang lebih ramai dalam sektor kesihatan, termasuk melatih lebih ramai doktor wanita untuk mengendalikan pesakit perempuan.

(3) Perumahan

- Menambahkan jumlah rumah kos rendah yang baik dan selesa yang memenuhi keperluan ruang isi rumah dan alam sekitar;

- Mengatasi masalah “setinggan” secepat mungkin, seelok-eloknya dengan cara membangun perumahan di situ dan/atau dengan perkongsian tanah;
- Mewujudkan sistem perundingan antara “setinggan”, pemaju dan pihak berkuasa untuk mencapai titik penyelesaian mengenai hal-hal perumahan atau tanah gantian atau bentuk pampasan lain;
- Menyediakan kemudahan awam di sekeliling rumah pangsa untuk menentukan perkembangan sahsiah yang seimbang dan sihat;
- Menjalankan usaha untuk menyediakan kemudahan kredit yang mudah dan murah untuk membantu “setinggan” membeli dan memiliki rumah sendiri.

(4) Perkhidmatan Sosial

- Menjalankan tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan sosial menyeluruh yang adil lagi cekap;
- Memastikan setiap projek perumahan yang melebihi saiz tertentu menyediakan kemudahan sosial, seperti padang permainan, kelab riadah awam, perpustakaan dan sebagainya, untuk kegunaan orang ramai;
- Mengadakan perkiraan yang bersistem dan menyeluruh untuk melindungi dan memberikan bantuan kepada golongan miskin, yatim dan ibu bapa tunggal;
- Memastikan peluang sama rata bagi golongan kurang upaya untuk mencapai kemajuan diri, pendidikan, kerjaya, penyertaan sosial dan peruntukan kemudahan perlu untuk membolehkan mereka berdikari dalam semua kawasan, kemudahan dan bangunan awam.

(5) Alam Sekitar

- Merumuskan dasar pembangunan boleh bertahan jangka panjang melibatkan segenap lapisan masyarakat, untuk menggalakkan sokongan penuh daripada semua peringkat kerajaan, organisasi bukan kerajaan, parti politik dan orang ramai;
- Meminda Akta Perlindungan Alam Sekitar supaya apa pun projek hanya boleh dimulakan setelah mendapat kelulusan daripada Penilaian Kesan Alam Sekitar dan Sosial dan komitmen bertulis daripada para penyokong projek untuk melaksanakan segala peruntukan mengurangkan kesan, mengikut keputusan Jabatan Alam Sekitar, lengkap dengan tatacara jelas bagaimana menyediakan maklumat dan

berunding dalam proses Penilaian Kesan Alam Sekitar melibatkan para pemegang amanah harta yang utama;

- Menyelaraskan undang-undang perlindungan alam sekitar di peringkat negeri dan persekutuan supaya penguatkuasaan menjadi lebih cekap dan berkesan dari segi kos;
- Melaksanakan undang-undang berkaitan dengan perlindungan warisan negara, dan menaikkan denda kerana melanggar undang-undang dan Akta Perlindungan Alam Sekitar untuk melindungi warisan negara kita;
- Memastikan setiap negeri mewartakan sejumlah munasabah taman negara, taman pemuliharaan, tapak untuk pusat bandar baru dan kawasan pembangunan perumahan dalam pelam induknya;
- Berusaha ke arah penyeragaman undang-undang berkaitan dengan perhutanan dan pembalakan di antara pelbagai negeri dan menujuhkan sistem pemeriksaan bebas untuk memastikan semua undang-undang ini dilaksanakan dengan tegas;
- Menggalakkan semua negeri supaya serta-merta mewartakan kawasan tадahan air yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pada masa depan;
- Berunding dengan kerajaan negeri supaya mereka melaksanakan pelan pemuliharaan yang sedia ada dan mengadakan pelan pemuliharaan baru, jika perlu.

(6) Hak Pengguna dan Harga

- Memperkasa undang-undang perlindungan pengguna, terutamanya yang berkaitan dengan kawalan harga, kos perkhidmatan dan kualitinya, khususnya dalam musim perayaan;
- Mengkaji semula Akta Pengguna untuk membolehkan Tribunal bebas ditubuhkan, dengan penyertaan daripada organisasi bukan kerajaan, untuk mengenal pasti senarai produk perlu dan kenaikan harga kawalan dengan mewujudkan indeks harga untuk maksud tersebut;
- Menggalakkan pergerakan koperasi mengeluarkan dan mengedarkan barang perlu;
- Menggalakkan pertubuhan pengguna supaya lebih aktif meningkatkan kesedaran pengguna berhubung dengan hak-hak mereka sendiri;
- Mengawal selia iklan supaya tidak menghina martabat wanita atau kelompok lain.

(7) Pekerja

- Membentuk kerangka perundingan tiga pihak yang berkesan, adil dan demokratik, dan meminda undang-undang berkaitan dengan buruh, kesatuan sekerja dan perhubungan perindustrian yang selari dengannya;
- Memansuhkan atau meminda undang-undang yang menyekat hak pekerja untuk menubuhkan, menyertai dan bergiat dalam kesatuan sekerja;
- Mengkaji semula dan mengemaskini faedah pemberhentian dan mengkaji penubuhan dana pemberhentian nasional untuk membantu pekerja yang diberhentikan;
- Menetapkan gaji bulanan minimum yang munasabah untuk pekerja yang bergaji hari;
- Menetapkan gaji bulanan yang munasabah bagi pekerja estet dan bersungguh-sungguh melaksanakan skim perumahan bagi pekerja estet;
- Memberikan contoh bagi minggu kerja lima hari dengan tempoh kerja biasa tidak lebih 40 jam seminggu;
- Mengkaji semula kaedah pengambilan dan gaji bagi pekerja asing dan mengurangkan pergantungan kepada mereka;
- Mengiktiraf hak kesatuan sekerja dan pemimpin kesatuan untuk menyertai bidang politik negara;
- Menaikkan umur persaraan kepada 60 tahun untuk sektor awam, sejajar dengan penambahbaikan kesihatan dan jangka hayat;
- Memastikan gaji dan faedah sama bagi lelaki dan juga wanita yang melakukan kerja sama atau melaksanakan tugas serupa;
- Menaikkan cuti bersalin dalam sektor awam kepada 90 hari dan memperkenalkan cuti 7 hari untuk suami;
- Membangunkan program dengan sektor swasta untuk pendidikan dan latihan berterusan demi meningkatkan keanjalan, kepakaran dan daya pengeluaran pekerja;
- Memperkenalan program latihan semula bagi pekerja yang diberhentikan;
- Mengkaji semula keberkesanan Institut Keselamatan dan Kesihatan Kerja Kebangsaan dan mengatasi kekurangannya.

(8) Wanita

- Menguatkuaskan dengan tegas undang-undang mengenai hak, kepentingan dan martabat wanita dan menghapuskan undang-undang dan peraturan yang membeza-bezakan wanita;
- Melindungi hak dan kebajikan wanita yang telah ditinggalkan suami mereka tanpa sebarang sara hidup yang munasabah biarpun selepas mereka berkahwin lagi;
- Menyediakan pusat jagaan bayi di dalam komuniti dan juga di tempat kerja;
- Memperkenalkan waktu kerja yang anjal bagi wanita yang bekerja;
- Mengkaji Agenda Wanita bagi Perubahan supaya dapat dilaksanakan perakuan yang bersesuaian di dalamnya.

(9) Belia

- Berikan galakan dan kemudahan kepada belia supaya dapat menambahbaik bakat dalam bidang kesenian, sukan dan budaya;.
- Mengadakan projek yang bertujuan khususnya untuk mencungkil bakat kepimpinan dalam individu, kebudayaan, keusahawanan dan kemajuan sosial;
- Mengatasi masalah, seperti soal pengangguran, salah guna dadah, keciran dan moral, yang dihadapi sebilangan belia melalui kaedah yang inovatif;
- Menyediakan peluang yang lebih luas untuk belia dari pelbagai latar belakang sosial menyertai latihan kemahiran dan dalam projek ekonomi;
- Mengadakan pusat pemulihan yang lebih berkesan dan peluang kerja untuk belia yang telah menjadi mangsa masalah sosial, supaya dapat diresap semula dalam masyarakat.

(10) Warga emas dan pesara

- Menetapkan tahap pencen minimum yang akan membolehkan golongan pesara menyara hidup sendiri;

- Menggalakkan golongan pesara yang masih mampu bekerja untuk menyumbang kepada pembangunan negara;
- Mengadakan sistem tambang separuh harga bagi warga emas dan pesara untuk segala jenis pengangkutan awam;
- Mewajibkan anak-anak dan saudara-mara yang dekat untuk menjaga warga emas dan menyokong langkah tersebut dengan memberikan pengecualian cukai atau sesuatu insentif tertentu;
- Memastikan warga emas diberi keutamaan untuk menunaikan fardhu Haji;
- Menggalakkan organisasi bukan kerajaan untuk membentuk program dan kursus bagi warga emas dan pesara meningkatkan bakat, mengembangkan kemahiran baru, menyertai lawatan sambil belajar, kursus bahasa dan sebagainya.